

DATE : 30 SEPT 2017
PUBLICATION : UTUSAN MALAYSIA
SECTION : BISNES
HEADLINE : SERBA DINAMIK PEROLEH KONTRAK BERNILAI RM206J
CATEGORY : COMPANY
MEASUREMENT : 52.4CM²
TONE : NEUTRAL
REMARKS : NIL

Serba Dinamik peroleh kontrak bernilai RM206j

KUALA LUMPUR 29 Sept. - Penyedia perkhidmatan kejuruteraan bersepadu global, Serba Dinamik Holdings Berhad melalui anak syarikat milik penuhnya, Serba Dinamik Sdn. Bhd. (SDSB) telah memperolehi tujuh kontrak bernilai kira-kira RM206 juta bagi projek operasi dan penyelenggaraan (O&M), kontrak kejuruteraan, perolehan, pembinaan serta pentauliahan (EPCC).

Pengarah Urusan dan Ketua Pengarah Eksekutif Serba Dinamik, Datuk



Dr. Ir. Mohd. Abdul Karim Abdullah berkata, pengamugeraan kontrak berkenaan melibatkan tiga projek O&M dan empat projek EPCC bagi jangka masa enam bulan sehingga 10 tahun.

Katanya, SDSB juga bakal memulakan kerja-kerja pembinaan bagi pusat penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pemeriksaan, pembaikan dan penyelenggaraan (IRM) baharu yang terletak di Bintulu sejajar dengan pelan masa hadapan yang dirancang dan tersenarai dalam prospektus syarikat.

Menurutnya, pusat berkenaan akan dijadikan sebagai platform bagi mengembangkan operasi perniagaan Serba Dinamik di kawasan Malaysia Timur.

"Pusat MRO dan IRM baharu ini akan mengandungi bengkel MRO, semburan, kilang saduran dan penyalutan, kemudahan gudang dan simpanan, bangunan pejabat, pusat latihan serta pelbagai lagi kemudahan seperti tempat letak kereta, substesen tenaga dan loji rawatan sisa buangan air," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kerja-kerja pembinaan bagi pusat tersebut dijangka mengambil masa kira-kira dua tahun dengan kos berjumlah RM200 juta.

Mengulas lanjut, Mohd. Abdul Karim berkata, anak syarikat milik penuh SDSB iaitu Top Luxury Sdn. Bhd. juga telah berjaya meraih projek bagi kerja pembinaan bernilai RM400 juta di Taman eco-Industri Pengerang.